PERUTUSAN GABENOR

Keadaan kewangan dan ekonomi global masih lagi sangat mencabar pada tahun 2012. Kekukuhan pemulihan ekonomi global yang berterusan masih belum dicapai sepenuhnya, manakala langkah-langkah resolusi untuk krisis kawasan euro juga masih dilaksanakan. Walaupun tekanan ke atas pasaran kewangan antarabangsa semakin berkurang sejak beberapa bulan kebelakangan ini, namun aliran modal ke dalam ekonomi sedang pesat membangun dijangka terus tidak menentu.

Berlatarkan persekitaran tersebut, kestabilan kewangan domestik di Malaysia terus terpelihara. Tiada gangguan dalam aliran kredit dan pasaran kewangan domestik juga kekal terurus. Institusi kewangan negara masih kukuh dengan penampan modal dan mudah tunai yang mampan serta kualiti aset yang terus meningkat. Meskipun permintaan luar negeri masih lembab namun ia tidak menjejaskan kedudukan kewangan institusi kewangan negara, yang terus disokong oleh portfolio pinjaman yang pelbagai dan amalan pengunderaitan dan pengurusan risiko yang mantap. Kesemua ini telah berjaya mengekalkan tahap keyakinan yang tinggi terhadap sektor kewangan domestik dan juga peranannya dalam memudahkan pengantaraan kewangan dan menyediakan perlindungan risiko kepada isi rumah dan sektor perniagaan di negara ini. Penilaian positif oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan mengesahkan kekukuhan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan Malaysia untuk menangani risiko terhadap kestabilan kewangan.

Risiko utama kepada kestabilan kewangan domestik pada amnya tidak berubah. Paras hutang isi rumah terus meningkat tetapi pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2012 hasil daripada pelaksanaan langkah kehematan makro bersasaran oleh Bank sejak tahun 2010. Pertumbuhan pinjaman isi rumah pada amnya adalah selaras dengan peningkatan pendapatan isi rumah, keadaan guna tenaga yang stabil serta jangkaan keupayaan membayar balik hutang. Institusi perbankan juga terus mematuhi piawaian pemberian pinjaman yang berhemat dengan memberikan perhatian yang lebih kepada penilaian terhadap aspek kemampuan membayar hutang oleh pelanggannya. Pada tahun 2012, Bank telah mengambil langkah-langkah perlu untuk menangani isu peningkatan dalam pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah oleh institusi di luar sektor perbankan. Aktiviti seumpama itu telah menyebabkan beberapa segmen isi rumah menjadi lebih mudah terdedah kepada kejutan pendapatan.

Walau bagaimanapun, risiko kepada kestabilan kewangan telah dibendung dengan baik serta penunjuk agregat daya tahan sektor isi rumah kekal kukuh. Program pendidikan kewangan serta program bantuan penyelesaian hutang bagi isi rumah yang meminjam daripada institusi kewangan bukan bank juga bertujuan untuk menggalakkan pengurusan kewangan yang bertanggungjawab. Sama pentingnya ialah usaha untuk memastikan amalan

pemberian pinjaman oleh institusi yang beroperasi di luar sektor perbankan adalah berhemat dan lebih bertanggungjawab, khususnya dalam keadaan persekitaran yang semakin kompetitif.

Perkembangan dalam pasaran harta tanah juga menjadi tumpuan pengawasan oleh Bank. Harga rumah terus meningkat dan ini mengurangkan kemampuan rakyat Malaysia untuk memiliki rumah di beberapa lokasi tertentu, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Meskipun kenaikan harga rumah disebabkan terutamanya oleh faktor makroekonomi, aktiviti pelaburan sejak kebelakangan ini didapati juga telah mempengaruhi harga rumah. Bank telah secara berperingkat-peringkat melaksanakan langkah yang lebih ketat terhadap pemberian pinjaman untuk membendung aktiviti pembelian harta tanah untuk tujuan spekulasi, dan akan terus memantau perkembangan ini dengan rapi. Setakat ini, tiada bukti yang menunjukkan bahawa perubahan dalam dasar kredit bank telah menyebabkan kenaikan harga rumah. Ini lantas mengurangkan risiko kepada kestabilan kewangan, namun faktor kemampuan kekal menjadi isu dan perlu ditangani menerusi langkah yang menyeluruh, temasuk langkah fiskal dan langkah dari segi penawaran. Sama pentingnya ialah pengurusan terhadap penawaran akan datang ruang harta tanah komersial bagi mengekalkan kestabilan dalam sektor harta tanah komersial.

Dalam persekitaran kewangan antarabangsa, agenda reformasi global untuk memelihara kestabilan kewangan terus menjadi keutamaan pada tahun 2012. Meskipun institusi kewangan Malaysia ternyata mampu menghadapi krisis baru-baru ini, pembaharuan ini merupakan penanda aras yang berguna untuk mengukur kekuatan dan ketahanan institusi kewangan Malaysia. Dalam beberapa bidang tertentu, termasuk mudah tunai, rangka kerja pengawalan domestik telah menetapkan piawaian minimum untuk dipatuhi oleh institusi kewangan di Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu. Pembaharuan ini, bagaimanapun, telah menunjukkan aspek rangka kerja kehematan yang boleh, dan harus diperkukuh lagi berikutan pembangunan dan pengembangan sistem kewangan dari segi skop dan skala aktiviti. Reformasi pengawalseliaan Basel III di Malaysia yang bermula awal tahun 2013 ini akan mematuhi garis masa pelaksanaan yang ditetapkan pada peringkat antarabangsa. Pelaksanaannya akan dipantau dengan rapi untuk memastikan manfaat yang dihasratkan daripada sistem kewangan yang lebih kukuh terhasil sambil mengurangkan kesan yang tidak diingini terhadap aktiviti pengantaraan kewangan domestik.

Kemajuan penting dalam rangka kerja pengawalan dan penyeliaan sistem kewangan di Malaysia ialah perundangan baharu untuk sektor kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember 2012 dan akan dikuatkuasakan pada pertengahan tahun 2013. Dengan penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Malaysia boleh mempunyai keyakinan penuh terhadap rangka kerja perundangan yang menyeluruh untuk sektor kewangan. Secara kolektif, undang-undang sektor kewangan dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 telah memperkukuh dengan nyata asas kestabilan kewangan di Malaysia. Perundangan baharu ini memperuntukkan kuasa yang diperlukan oleh Bank untuk mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam landskap kewangan yang lebih kompleks sekali gus menjadikan Bank bertanggungjawab atas tindakan-tindakan yang diambilnya.

Pengaturan tadbir urus bagi kestabilan kewangan yang telah tersedia dalam Bank diperkukuh secara berterusan. Ini termasuk Jawatankuasa Kestabilan Kewangan yang diperkukuh oleh Jawatankuasa Dasar Bersama yang terdiri daripada anggota Jawatankuasa Dasar Monetari dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Jawatankuasa Dasar Bersama telah memperkenalkan beberapa langkah kehematan makro untuk memastikan perkembangan yang berpunca daripada sektor ekonomi dan pasaran aset tidak akan menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan. Tahap integrasi yang lebih tinggi dalam sektor kewangan, dan juga antara sektor kewangan dengan bahagian lain dalam ekonomi memerlukan kolaborasi antara agensi yang lebih mantap untuk menggalakkan kestabilan kewangan, menangani risiko kepada pengguna dan menyokong pembangunan berterusan sektor

kewangan. Untuk mencapai matlamat ini, Bank juga telah mewujudkan pengaturan kerjasama dan penyelarasan dengan pihak-pihak berkuasa dalam negeri yang lain pada tahun 2012 untuk memastikan penilaian yang lebih lengkap terhadap kemungkinan risiko terhadap kestabilan kewangan, termasuk risiko yang berbangkit daripada aktiviti pengantaraan kewangan sektor bukan bank.

Pada bulan April 2012, Bank telah menandatangani Perjanjian Perikatan Strategik dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang menggariskan peranan dan tanggungjawab Bank dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dalam resolusi institusi kewangan yang mengalami tekanan, sekali gus mewujudkan pengaturan prosedur untuk penyelesaian yang teratur. Pada bulan Oktober 2012, Bank menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam usaha mencapai penyeliaan yang lebih berkesan bagi kumpulan kewangan dan aktiviti perbankan dalam pasaran modal, dan untuk memantau kemungkinan risiko sistemik dalam pasaran modal dan sistem kewangan yang lebih luas. Pada tahun 2012, rangka kerja bagi kerjasama serantau sektor kewangan turut diperkukuh lagi berikutan dimensi perkhidmatan kewangan merentas sempadan yang lebih nyata. Bagi mencapai usaha ini, pada tahun 2012, Bank telah mengadakan forum penyeliaan, perbincangan dan interaksi dua hala dengan bank-bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan, dan juga melalui kumpulan serantau.

Bidang kerjasama seterusnya adalah dengan agensi penguatkuasaan undang-undang lain di negara ini, terutamanya Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram. Kerjasama ini bertujuan memudahkan inisiatif antara agensi, pertukaran maklumat dan penyelarasan tindakan penguatkuasaan. Penggubalan undang-undang bagi pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan juga diperkukuh pada tahun 2012. Semua langkah yang diambil ini bertujuan mencegah penggunaan sistem kewangan bagi aktiviti yang menyalahi undang-undang, seterusnya memelihara integriti sistem kewangan.

Rangka kerja pengawalseliaan bagi kewangan Islam juga melakarkan penemuan baharu pada tahun 2012, seterusnya menyumbang kepada matlamat kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam. Bank mengambil langkah penting dalam usaha melaksanakan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak di Malaysia yang akan memperkukuh prinsip Syariah dan memudahkan usaha mengurangkan risiko perundangan dan operasi dalam pengendalian urus niaga kewangan Islam. Rangka kerja tersebut merupakan asas penting bagi inovasi kewangan Islam pada masa depan dan akan menyumbang ke arah pengukuhan keyakinan selanjutnya terhadap produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak ini juga akan menyumbang ke arah pencapaian matlamat kestabilan kewangan, yang akan memelihara sistem kewangan supaya dapat berfungsi dengan berkesan dan cekap untuk menyokong aktiviti ekonomi benar.

Rangkuman kewangan kekal sebagai agenda utama Bank dengan dimensinya yang semakin penting. Di samping menggalakkan akses perkhidmatan kewangan yang lebih luas bagi isi rumah dan perniagaan kecil, rangkuman kewangan juga menjadi semakin penting untuk memastikan mereka yang pada masa ini mempunyai akses kewangan, tidak terpinggir pada masa akan datang apabila produk dan perkhidmatan kewangan menjadi semakin kompleks. Pengenalan saluran akses yang baharu, seperti akses melalui perbankan mudah alih dan perbankan ejen, turut meningkatkan tuntutan terhadap rangka kerja pengawalseliaan supaya menyediakan perlindungan pengguna yang mencukupi dan pengurusan risiko operasi yang berkesan oleh institusi kewangan.

Bank berhasrat untuk meningkatkan tahap inisiatifnya terhadap membina keupayaan kewangan, dengan berganding bahu bersama-sama agensi-agensi yang berkenaan untuk memastikan sistem

kewangan terus bersifat inklusif seiring dengan kemajuan yang dicapainya. Untuk memahami dengan lebih baik kesan daripada usaha ini pada masa hadapan, usaha telah dimulakan untuk menghasilkan sebuah rangka kerja bagi mengukur keberkesanan inisiatif pendidikan kewangan yang dilaksanakan untuk menggalakkan tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab. Di samping itu, Bank telah membangunkan indeks rangkuman kewangan yang mengukur tahap boleh akses kepada perkhidmatan kewangan dan penggunaannya.

Sebahagian besar pemodenan sistem kewangan dan peningkatan tahap daya saing ekonomi negara telah melibatkan transformasi landskap pembayaran. Sedekad lalu, hampir separuh daripada pembayaran bukan tunai, mengikut jumlah, dilaksanakan dengan menggunakan cek. Kini, saluran e-pembayaran mencakupi hampir 90% daripada semua urus niaga bukan tunai. Trend ini terus meningkat sejak dua tahun kebelakangan ini dengan usaha berterusan untuk meluaskan akses kepada perkhidmatan e-pembayaran dan meningkatkan infrastruktur dan fungsi sokongan. Pada tahun 2012, Bank mengumumkan hasratnya untuk melaksanakan reformasi penentuan harga bagi mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran. Meskipun rangka kerja penentuan harga yang baharu untuk urus niaga pembayaran akan diumumkan pada tahun 2013, namun tempoh satu tahun akan diberikan bagi pelaksanaannya. Ini akan membolehkan pengguna dan perniagaan bersiap sedia untuk membuat penyesuaian yang efektif dengan pengaturan penentuan harga yang baharu itu. Reformasi ini akan menghapuskan herotan harga yang sedia ada antara e-pembayaran dengan instrumen pembayaran berasaskan kertas, serta menggalakkan peralihan kepada kaedah pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos.

Memandang ke hadapan, sektor kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk menangani cabaran masa depan tetapi pemantauan yang berterusan perlu dilaksanakan oleh Bank dan juga institusi kewangan. Tumpuan yang berterusan pada pembangunan sektor kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif, berpandukan pada saranan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, akan turut memperkukuh daya tahan sistem kewangan dan keupayaannya untuk menyokong dan memacu transformasi Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dengan nilai tambah yang lebih tinggi pada dekad ini.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
20 Mac 2013